

01 JUL 1996

## KUMPULAN DRB-HICOM AKAN BELANJA RM100 JUTA LAGI DI KENYIR

Oleh: Sulaiman Jaafar

KUALA TERENGGANU, 1 Julai (Bernama) -- Kumpulan DRB-Hicom akan membelanjakan RM100 juta lagi untuk menyediakan pelbagai tarikan pelancongan di kawasan Tasik Kenyir dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Pengerusinya Tan Sri Yahya Ahmad berkata setakat ini kira-kira RM100 juta telah dibelanjakan untuk memajukan sebuah hotel bertaraf antarabangsa, Tasik Kenyir Golf Resort.

"Ini merupakan pelaburan besar yang pertama yang dibuat di kawasan ini. Ia sesuai dengan saranan yang diutarakan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) bagi pembangunan Tasik Kenyir," kata Yahya kepada Bernama ketika ditemui di hotel itu semalam.

Pusat percutian lima bintang itu mula beroperasi 15 Jun lepas dan dijangka dirasmikan oleh Dr Mahathir pertengahan Ogos.

Hotel itu yang memiliki 200 bilik termasuk 130 calet dikendalikan oleh sebuah lagi anak syarikat DRB-Hicom, Glenmarie Hotels and Resorts.

Yahya berkata kumpulan itu diperuntukkan kawasan kira-kira 400 hektar bagi keseluruhan projeknya dan setakat ini kira-kira 60 hektar dimajukan untuk hotel dan 120 hektar bagi padang golf.

Katanya pembinaan padang golf 18 lubang di Pulau Popi berhadapan hotel itu sedang berjalan dan sembilan lubang pertama dijangka siap dalam masa enam bulan.

Beliau berkata projek lain termasuk pembinaan 300 buah banglo korporat yang akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Yahya menegaskan tarikan-tarikan lain yang sedang dirancang termasuk sebuah taman binatang eksotik (istimewa), sebuah ladang tenusu dan sebuah taman tema air.

Menurut beliau taman yang akan menempatkan binatang-binatang jinak seperti rusa akan dibina di satu kawasan berhampiran hotel dan pihaknya akan berunding dengan Kementerian Pertanian untuk mendapatkan kerjasama.

Mengenai ladang tenusu, Yahya berkata ia mungkin dijalankan secara usaha sama dengan Nestle (Malaysia) Berhad.

"Nestle telah menunjukkan minat dan kami akan berunding dengan mereka," tambah beliau.

Katanya semua projek yang dirancang merupakan tarikan semula jadi yang sesuai dengan konsep pusat percutian itu sebagai destinasi pelancongan yang serasi dengan alam semula jadi.

Yahya yang juga mengetuai konsortium 10 buah syarikat terkemuka negara bagi membangunkan Tasik Kenyir yakin langkah Kumpulan DRB-Hicom menerokai pembangunan di kawasan itu akan menggalakkan syarikat lain membuat pelaburan. Konsortium itu yang ditubuhkan kira-kira dua tahun lepas juga telah membentuk dana berjumlah RM300 juta.

Beliau menegaskan Kumpulan Arab-Malaysian yang diketuai oleh Tan Sri Azman Hashim juga sedang mengkaji untuk membuka sebuah pusat peranginan di kawasan itu.

Azman berada di Tasik Kenyir hujung minggu ini, dipercayai untuk mencari kawasan yang sesuai bagi projek itu.

Tasik Kenyir yang merangkumi kawasan seluas 38,000 hektar wujud berikutan pembinaan empangan hidro-elektrik Kenyir pada tahun 1985. --

BERNAMA

SBJ SIA